



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 03 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Angkara anjing, tiga rakan masuk gaung

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	17



KEADAAN kereta yang dinaiki tiga sahabat selepas terjunam ke dalam gaung di Jalan Lendu, Masjid Tanah, Alor Gajah kelmarin.

Angkara anjing, tiga rakan masuk gaung

ALOR GAJAH – Tiga rakan nyaris maut apabila kereta yang mereka naiki terjunam ke dalam gaung sedalam tiga meter selepas cuba mengelak seekor anjing di Jalan Lendu, Masjid Tanah, di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8.30 malam itu, mangsa yang berusia 21, 23 dan 25 tahun dikejarkan ke Hospital Alor Gajah selepas mengalami kecederaan di beberapa anggota badan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Arshad Abu berkata, ketika kejadian, mangsa yang menaiki kereta jenis Proton Iriz dalam perjalanan dari arah Masjid Tanah ke Alor Gajah.

"Setiba di lokasi, kereta dipandu lelaki berusia 25 tahun itu cuba mengelak seekor anjing yang tiba-tiba muncul, namun telah hilang kawalan lalu terbabas ke bahu kanan jalan dan terjunam masuk ke dalam gaung."

"Kenderaan mereka kemudian merempuh sebatang pokok dan tersangkut di cerun sedalam tiga meter dari laluan besar," katanya dalam satu kenyataan semalam.



Katanya, dua daripada mangsa bekerja di sebuah kilang yang sama, manakala seorang lagi bekerja sendiri.

"Semua mangsa terselamat, namun mengalami kecederaan dan telah dibawa ke Hospital Alor Gajah untuk menerima rawatan lanjut," ujarnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.